

Reka cipta Chung Tiew tarik perhatian Unimas

KUCHING 4 Mei - Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) menandatangani perjanjian kerjasama bagi membuat kajian lebih lanjut mengenai sistem penukaran bahan buangan kepada gas yang dicipta oleh anak tempatan, hari ini.

Naib Canselor Unimas, Profesor Abdul Rashid Abdullah berkata, teknologi menukar bahan buangan seperti plastik kepada gas kepada tenaga pembakaran ciptaan Wong Chung Tiew, boleh dimajukan lagi.

Beliau berkata, ciptaan tersebut telah menarik minat Unimas untuk kajian lanjut kerana beberapa aspek ciptaan tersebut berkait rapat dengan teknologi terkini.

"Ciptaan beliau telah dipatenkan dan digunakan di lebih 120 buah negara menggunakan namanya sendiri.

"Apa yang mengkagumkan, Chung Tiew telah menghabiskan masa 20 tahun untuk membangunkan teknologi sistem penukaran bahan buangan kepada gas atau bahan bakar hanya berdasarkan pengalaman di ladang ternakan ayam di Sibul.

"Sehubungan itu, tujuan kerjasama ini ialah untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) mendalam ciptaan anak tempatan ini," katanya.

Beliau menyatakan demikian pada majlis menandatangani memorandum perjanjian antara Unimas dan Prima Natural Resources and Manufacturing Sdn. Bhd. di Kampus Tetap Unimas di sini, hari ini.

Unimas diwakili oleh Abdul Rashid manakala Chung Tiew mewakili Prima Natu-

*U.M'sia. Jumaat 5/5/06
ms 27*



ABDUL Rashid Abdullah (kiri) dan Wong Chung Tiew bertukar dokumen perjanjian sambil diperhatikan oleh Bujang Mohd. Nor pada majlis menandatangani memorandum perjanjian antara Unimas dan Prima Natural Resources and Manufacturing Sdn. Bhd. di Kuching, semalam.

ral dan disaksikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Unimas, Tan Sri Amar Bujang Mohd. Nor.

Menurut Abdul Rashid, R&D akan dijalankan di Taman Teknologi di Kampus Tetap Unimas di sini, yang direka khas

untuk penyelidikan mengenai sistem teknologi terkini.

Selain itu, kata beliau, pihak Natural Prima pula bersetuju untuk membina model sistem berkenaan di Taman Tenaga di Unimas bagi tujuan R&D.